

# Ind'onesia nafi

UM 10 DEC 1999

Daripada ZULKIFLEE  
BAKAR

**J**AKARTA 9 Dis. — Kerajaan Indonesia menafikan laporan majalah *Far Eastern Economic Review (FEER)* bahawa presidennya, Abdurrahman pernah menyatakan Malaysia telah meminta negara itu menjadi orang tengah untuk menjalin hubungan dengan Israel.

Menteri Luar, Alwi Shihab berkata, laporan tersebut tidak berasas sama sekali kerana pemimpin kedua-dua negara iaitu Abdurrahman dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah berbincang hal itu

dalam pertemuan mereka di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Sepanjang pengetahuan saya dan Abdurrahman sendiri, beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti itu dan ini menimbulkan tanda tanya kepada kita apakah motif sebenar *FEER* membuat laporan yang tidak benar seumpama itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media khas di Kementerian Luar di sini bagi memperjelaskan isu laporan majalah *FEER* keluaran 9 Disember yang memetik kata-kata Abdurrahman bahawa Malaysia telah meminta bantuan Indonesia untuk menjadi orang tengah bagi membole-

kan negara itu menjalin hubungan dengan Israel.

Laporan tersebut ternyata menimbulkan bantahan keras daripada kerajaan Malaysia yang melalui Menteri Luar, Syed Hamid Albar menyatakan kekecewaan Malaysia terhadap kenyataan Abdurrahman dalam majalah itu.

Bagaimanapun pada sidang media hari ini Alwi menegaskan, Abdurrahman sama sekali tidak pernah membuat kenyataan seumpama itu kerana ke-sannya amat besar kepada hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Sehubungan itu saya berharap rakan sejawatan saya dari Malaysia, Syed Hamid akan dapat mema-

28  
hami situasi ini dan bersama-sama mengatasi salah faham yang berlaku," katanya.

Beliau berkata, Malaysia dan Indonesia mempunyai hubungan yang cukup erat, oleh itu beliau tidak mahu laporan *FEER* itu merupakan sebahagian daripada usaha pihak-pihak tertentu untuk menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir, Abdurrahman telah menunjukkan rasa hormat yang tinggi kepada Perdana Menteri.

"Oleh itu adalah tidak mungkin Abdurrahman akan membuat sesuatu kenyataan yang dianggap

## laporan *FEER*

merendah-rendahkan Malaysia dan boleh menyebabkan hubungan baik antara Malaysia dan Indonesia retak," tegasnya.

Selain itu, kata beliau, Dr. Mahathir juga dalam pertemuan tersebut menunjukkan sikap yang positif terhadap Indonesia.

Menjawab satu soalan, Alwi berkata penjelasan Indonesia itu telah disampaikan oleh pegawai-pegawai Kanan Kementerian Luar Indonesia kepada Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa, petang semalam.

"Kita berharap di bulan Ramadan yang mulia ini saudara-saudara kita di Malaysia akan menerima penjelasan ini dan berha-

rap tidak akan berlaku prasangka buruk kepada wartawan kerana wartawan itu mungkin salah dengar tanpa menyedari bahawa ia

adalah isu besar," katanya. Ditanya apakah tindakan yang bakal diambil oleh kerajaan Indonesia terhadap wartawan *FEER*

yang membuat laporan itu, Alwi berkata, "jangan perbesar masalah, saya yakin Syed Hamid dan Dr. Mahathir percaya kepada saya." — *Utusan*